



**DEN-1**

**DEN-2**

**DEN-3**

**DEN-4**

# **KENALI VIRUS DENGGI**



Diterbitkan oleh :  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
KKM/BM/100,000/2013


[www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my) | [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)



**Gigitan  
MAUT!**

# Virus Denggi

- Sejenis virus yang dibawa oleh nyamuk.
- Tergolong dalam keluarga Flaviviridae; genus Flavivirus dan spesies Denggi. (Lihat rajah di bawah)
- Terdapat 4 jenis Virus Denggi yang berkait rapat iaitu DEN-1, DEN-2, DEN-3 dan DEN-4.



- 4 serotaip Virus Denggi walaupun berkait rapat tetapi setiap serotaip adalah berbeza; menjadikan tiada perlindungan bertindan.
- Jangkitan oleh satu serotaip Virus Denggi tidak memberikan perlindungan jangka panjang kepada jangkitan serotaip Virus Denggi yang lain.



- Berjangkit kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes betina yang telah dijangkiti.
- Boleh menyebabkan Demam Denggi \*(DF), Demam Denggi Berdarah \*\*(DHF) dan Sindrom Renjatan Denggi \*\*\*(DSS).
- Risiko untuk berlakunya komplikasi DHF / DSS meningkat bagi orang yang mendapat jangkitan kedua (sekunder) dengan serotaip yang berbeza dari jangkitan sebelumnya.
- Secara amnya, nyamuk mendapat Virus Denggi semasa menghisap darah daripada manusia yang telah dijangkiti Virus Denggi.
- Nyamuk pembawa Virus Denggi dapat memindahkan virus tersebut sepanjang hayatnya (purata selama sebulan) kepada individu lain.
- Tempoh inkubasi selepas gigitan nyamuk adalah selama 3 hingga 14 hari (purata 4 hingga 6 hari) sebelum menunjukkan tanda dan gejala.
- Denggi tidak boleh merebak secara langsung dari seorang individu ke individu yang lain.
- Jangkitan Virus Denggi dikenalpasti dengan mengesan antigen atau antibodi khusus dalam serum pesakit 2-5 hari selepas mengalami demam.

\*(DF) - Dengue Fever

\*\* (DHF) - Dengue Haemorrhagic Fever

\*\*\* (DSS) - Dengue Shock Syndrome